

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BILANGAN 5 TAHUN 2019

PELAKSANAAN PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 2019 IAITU PENGURANGAN KE ATAS TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DI BAWAH KAE DAH 16 DAN 17, KAE DAH-KAE DAH TANAH KELANTAN 1966 BAGI TAHUN 2019

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk menjelaskan Pekeling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 5 Tahun 2019 iaitu **Pengurangan Ke Atas Tunggakan Denda Cukai Tanah Di Bawah Kaedah 16 Dan 17, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 Bagi Tahun 2019**. Arahan ini adalah berkuatkuasa sepanjang tempoh kelulusan tersebut iaitu dari 01hb Jun 2019 hingga 31hb Disember 2019.

2. PELAKSANAAN PERMOHONAN PENGURANGAN KE ATAS TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH

- 2.1 Permohonan ini terbuka kepada semua pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah tanpa mengambil kira jumlah tunggakan denda.
- 2.2 Kelulusan ini tidak terpakai ke atas hakmilik dimana endorsan Borang 6A telah dibuat dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).
- 2.3 Hanya tunggakan denda sahaja di bawah **Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 Bagi Tahun 2019** yang akan diberi pengurangan sebanyak 70%. Bayaran lain seperti cukai tanah semasa, tunggakan cukai tanah dan denda selepas 30 Jun perlu dijelaskan seperti biasa.
- 2.4 Setiap permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan sebagaimana lampiran 1 dan dikenakan bayaran memfail sebanyak RM10.00. Setiap permohonan perlu dikemukakan bersama cabutan hakmilik bagi setiap hakmilik.

- 2.5 Permohonan pengurangan bagi beberapa hakmilik yang dimiliki oleh pemilik yang sama atau dimana pemilik adalah salah seorang pemilik bersama, boleh dibuat dalam satu permohonan. Manakala bagi hakmilik yang berbeza pemilik hendaklah dibuat permohonan secara berasingan.
- 2.6 Cukai tanah semasa, tunggakan cukai tanah, tunggakan denda (selepas pengurangan sebanyak 70%), denda semasa dan lain-lain bayaran yang berkenaan hendaklah dijelaskan sepenuhnya.
- 2.7 Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menerima borang permohonan di kaunter hasil hendaklah memastikan:
 - i. Setiap item di dalam borang permohonan hendaklah diisi sepenuhnya oleh pemohon;
 - ii. Semakan ke atas hakmilik perlu dibuat dalam SPTB bagi memastikan tiada endorsan notis Borang 6A.
 - iii. Sekiranya pemohon mempunyai hakmilik lebih daripada satu, pemohon hendaklah mengisi maklumat hakmilik di borang sebagaimana Lampiran 2.
 - iv. Bagi permohonan yang mempunyai lebih daripada satu hakmilik, Pembantu Tadbir (Kewangan) hendaklah mengisi maklumat bayaran cukai tanah di borang sebagaimana Lampiran 3A atau 3B dan menyemak maklumat tersebut sebelum pemohon membuat bayaran.
- 2.8 Permohonan perlu dibuat di pejabat hakmilik berdaftar memandangkan pengemaskinian data cukai tanah hanya boleh dibuat dimana hakmilik tersebut didaftarkan sahaja.

3.0 PENGHANTARAN LAPORAN

- 3.1 Laporan senarai permohonan pengurangan tunggakan ke atas denda cukai tanah sebanyak 70% hendaklah dihantar ke Bahagian Hasil Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan selewat-lewatnya pada atau sebelum 05hb setiap bulan. Format laporan adalah sebagaimana Lampiran 4.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini adalah berkuatkuasa sepanjang tempoh kelulusan iaitu bermula 01hb Jun 2019 hingga 31hb Disember 2019.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

KEPADА:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

FAIL : PTG.KN.16/4/36
BERTARIKH : 29 24 RAMADAN 1440H
29HB MEI 2019

Nombor Fail : _____

**PERMOHONAN PENGURANGAN BAYARAN TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DALAM
TEMPOH 1 JUN 2019 HINGGA 31 DISEMBER 2019**

A. MAKLUMAT PEMILIK/PEMOHON*

1. Nama* : _____
2. Nombor Kad Pengenalan* : _____ 3. Telefon* : _____
4. Emel* : _____
5. Alamat* : _____

B. MAKLUMAT CUKAI TANAH*

1. Jenis & No. Hakmilik* : GRN / HSD / PM / GM / PN / HSM _____
2. Nombor Lot/PT* : LOT / PT _____
3. Jajahan * : _____ 4. Mukim* : _____

TANDATANGAN PEMILIK / PEMOHON

TARIKH : _____

*Potong yang tidak berkaitan.

C. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

- Jumlah yang patut bayar : RM _____
(sebelum 1 Julai/selepas 30 Jun)
- Jumlah Tuggakan denda : RM _____
(sebelum pengurangan)
- Jumlah Tuggakan Denda : RM _____
(selepas pengurangan)
- Jumlah Yang Perlu Bayar : RM _____
(selepas pengurangan)

DISEDIAKAN OLEH:

DISEMAK OLEH:

DISAHKAN OLEH:

PEMBANTU TADBIR-----
PEMBANTU TADBIR
KANAN KEWANGAN-----
PENTADBIR TANAH

DIISI OLEH PEMILIK/PEMOHON*

BIL	JENIS & NOMBOR HAKMILIK	NO. LOT/PT	JAJAHAN	MUKIM

*Sekiranya permohonan lebih daripada satu hakmilik.

LAMPIRAN 3 (A)

NO. FAIL: _____

PENGIRAAN PENGURANGAN TUNGGAKAN DENDA BAGI PERMOHONAN SEBELUM 1 JULAI TAHUN SEMASA

BIL.	NO. LOT/PT	HAK MILIK	(a) CUKAI TAHUNAN (RM)	TAHUN TUNGGAKAN	(b) JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN DENDA SEBELUM PENGURANGAN (RM)	(c) JUMLAH TUNGGAKAN DENDA SELEPAS PENGURANGAN (RM)	(d) LAIN-LAIN BAYARAN TELAH DIBUAT (RM)	(e) BAYARAN YANG TELAH DIBUAT (RM)	(f)= (a)+(b)+(c)+(d)- (e) JUMLAH SEBELUM 1 JULAI (RM)

Catatan:-

- Kadar pengurangan denda yang dipertimbangkan mengikut Pekeliling PTG Bil. 5/2019 = 70%

LAMPIRAN 3 (B)

NO. FAIL: _____

PENGIRAAN PENGURANGAN TUNGGAKAN DENDA BAGI PERMOHONAN SELEPAS 30 JUN TAHUN SEMASA

BIL.	NO. LOT/PT	HAKMILIK	(a) CUKAI TAHUNAN (RM)	TAHUN TUNGGAKAN	(b) JUMLAH TUNGGAKAN SEBELUM PENGURANGAN (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN DENDA SEBELUM PENGURANGAN (RM)	(c) JUMLAH TUNGGAKAN DENDA SELEPAS PENGURANGAN (RM)	(d) LAIN-LAIN BAYARAN SELEPAS 30 JUN (RM)	(e) DENDA YANG TELAH DBUAT 30 JUN (RM)	(f) BAYARAN YANG TELAH DBUAT 30 JUN (RM)	(g)=(a)+(b)+(c)+(d)+(e)- (f) JUMLAH SELEPAS 30 JUN (RM)	

Catatan:-

- Kadar pengurangan denda yang dipertimbangkan mengikut Pekeliling PTG Bil. 5/2019 = 70 %

FORMAT LAPORAN SENARAI PERMOHONAN PENGURANGAN KE ATAS TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH SEBAGAIMANA
 PEKELILING PTG BILANGAN 5/2019 UNTUK BULAN _____ BAGI JAJAHAN _____

BIL	NOMBOR FAIL	NAMA PEMOHON	NOMBOR HAKMILIK	MUKIM	JUMLAH YANG PATUT DIBAYAR (SEBELUM 1 JULAI /SELEPAS 30 JUN) (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN DENDA (SEBELUM PENGURANGAN) (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN DENDA (SELEPAS PENGURANGAN) (RM)	JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR (SELEPAS PENGURANGAN) (RM)

DISEDIAKAN OLEH:

DISEMAK OLEH:

DISAHKAN OLEH:

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)-----
PEMBANTU TADBIR (KANAN)-----
PENTADBIR TANAH